

# Tanggungjawab mengurus hal ehwal diplomatik dua negara

Oleh SAHARUDIN MUSTHAFA  
saharudin.musthafa@utusan.com.my

BARANGKALI sebilangan besar daripada kita kurang arif mengenai peranan yang dimainkan oleh duta yang dilantik oleh kerajaan untuk ditempatkan sebagai wakil kerajaan di sesebuah negara. Sebagai orang penting dalam pengurusan hal ehwal diplomatik antara dua negara dan menjaga kepentingan Malaysia, tanggungjawab duta di sesebuah negara luar amat besar skopnya.

Lebih-lebih lagi bagi seorang duta yang bertugas di negara yang mempunyai hubungan diplomatik yang cukup akrab dengan kerajaan Malaysia, menjadi kewajaran bagi semua pihak untuk memahami peranan mereka. Di Indonesia sendiri misalnya, pegawai-pegawai yang ditempatkan di Kedutaan Besar Malaysia di sini yang diketuai oleh dutanya, Datuk Syed Munshe Afdzaruddin Syed Hassan tidak menang tangan menguruskan pelbagai isu yang melibatkan kepentingan kedua-dua negara.

Kedutaan Besar Malaysia di Jakarta merupakan pejabat perwakilan Malaysia yang terbesar di seluruh dunia dengan mempunyai 15 agensi kerajaan di bawah jagaannya dan dengan sendiri menunjukkan hubungan istimewa yang wujud antara kedua-dua negara itu.

Sebagai jiran tetangga yang mempunyai sejarah hubungan diplomatik yang cukup panjang, kita semua sedia maklum, Malaysia – Indonesia sering merentasi hubungan adik-beradik yang ada ketika panas dan ada ketika dingin.

Namun, kemesraan hubungan bangsa serumpun yang terjalin antara kedua-dua negara berkenaan tidak mampu dicalarkan dengan elemen-elemen yang cuba menggugat

keakraban tali persaudaraan itu.

Kerana itu, Duta Besar Malaysia di Jakarta sentiasa dilihat begitu proaktif dalam setiap pendekatan yang diambil oleh beliau untuk memelihara keharmonian yang terjalin.

Begitu juga, dalam konteks memperkasakan hubungan diplomatik Malaysia dan Indonesia, Syed Munshe dan pegawai-pegawainya banyak memberi tumpuan pada kerja-kerja formal terutamanya yang menuntun *political decision* (keputusan politik)

“Tanggungjawab Duta Besar Malaysia di mana-mana negara sekalipun sangat besar yang memerlukan mereka membuat pertimbangan yang bijak dan akan membantu menyuburkan hubungan baik antara dua negara.

“Kerana itu, ada ketikanya tidak semua acara yang dapat dihadiri seseorang duta itu kerana komitmen yang sudah diberikan sejak dari awal atau harus memberi keutamaan pada tugas yang menuntun *political decision*,” kata seorang pegawai diplomat kepada *Utusan Malaysia* menjelaskan peranan seorang duta di mana-mana negara yang mempunyai hubungan diplomatik dengan kerajaan Malaysia.

Bagaimanapun, perlu juga ada pemahaman yang jelas bahawa andai kata seseorang duta itu tidak dapat menghadiri apa-apa acara yang dianjurkan oleh mana-mana pihak, itu tidak bermakna duta sengaja mengabaikan jemputan itu.

Kata pegawai diplomat itu lagi, andainya ada acara yang dianjurkan oleh mana-mana pertubuhan bukan kerajaan (NGO) atau agensi-agensi kerajaan di mana saja di sesebuah negara luar, Kedutaan Besar Malaysia sentiasa akan memberi sokongan padu bagi memastikan matlamat penganjuran sesebuah acara tercapai.

Ini termasuk acara Seminar Ekonomi Ma-



SYED Munshe Afdzaruddin Syed Hassan (duduk, empat dari kanan) bergambar kenangan bersama pegawai Kedutaan Besar Malaysia dan para peserta diplomat muda yang menjalani latihan praktikal di kedutaan berkenaan di Jakarta, Indonesia, kelmarin.

laysia Indonesia Maybank (Maybank Semi'10) anjuran Ikatan Setiakawan Wartawan Malaysia Indonesia (Iswami) di Bandung, Indonesia baru-baru ini.

Barangkali, kelibat Syed Munshe tidak ada di situ kerana beliau terikat dengan urusan lain yang sudah dipersetujui lebih awal.

Namun, kerana menyedari kepentingan seminar yang bermatlamat merapatkan kerjasama rakyat kedua-dua negara dalam bidang ekonomi menyebabkan Kedutaan Besar Malaysia di Jakarta bersetuju memberikan komitmen sepenuhnya.

Bertitik tolak daripada idea murni itulah, Kedutaan Besar Malaysia di Jakarta melihat betapa Iswami boleh memainkan peranan yang sekali gus menjadi pelengkap kepada usaha untuk menjalin hubungan yang lebih akrab antara Malaysia dan Indonesia.

Acara anjuran Iswami itu disifatkan Syed Munshe penting untuk membantu kerajaan memelihara hubungan dua hala antara Ma-

laysia dan Indonesia terutamanya dalam konteks hubungan media kedua-dua negara.

“Kami amat menghargai inisiatif itu dan memberikan komitmen yang cukup jitu. Kerana itu, saya bersetuju menghantar enam ketua pelbagai jabatan di Kedutaan Besar Malaysia di Indonesia sebagai tanda sokongan terhadap Iswami

“Iswami telah memainkan peranan yang cukup baik mewakili sektor tidak formal membantu Kedutaan Besar Malaysia di Jakarta memberi tumpuan pada urusan-urusan formal. Apabila kedua-dua pihak memainkan peranan ini sudah tentu ia akan memberi manfaat yang cukup besar kepada Malaysia dan Indonesia,” jelas Syed Munshe lagi.

Pada Maybank Semi'10 di Bandung itu, Kedutaan Besar Malaysia di Indonesia diwakili enam ketua jabatan termasuk timbalan duta, Syed Mohd Hasrin Tengku Hussin.

Misi Iswami tempoh hari dilihat membawa interaksi era baru antara wartawan Malaysia

dan Indonesia untuk mengendurkan ‘perang media’ terutama melibatkan isu-isu sensitif Kuala Lumpur-Jakarta.

Apa lagi, Iswami yang baru dua tahun usia penubuhannya mengambil inisiatif ingin bekerjasama menjaga hubungan negara serumpun ini.

Lalu ketidakhadiran duta pada majlis perasmian berkenaan barangkali tidak adil untuk dijadikan isu besar memandangkan sokongan yang diberi Kedutaan Besar Malaysia di Jakarta (yang mungkin tidak kelihatan pada mata kasar) menterjemahkan aspirasi besar duta dan pegawai-pegawainya dalam mendokong usaha yang murni.

Sebetulnya, semua pihak saling bergantung antara satu sama lain dalam usaha untuk memelihara hubungan kerjasama yang sedia ada untuk menjayakan misi masing-masing. Iswami dan Kedutaan Besar Malaysia di Jakarta, juga tidak terlepas daripada saling memerlukan.